

How to cite this article:

Asalal, N. Z., & Wahab, H. A. (2020). Pemahaman dan halangan pelajar program kerja sosial terhadap kurikulum asas kerja sosial: Kepelbagaian klien. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 23, 53-78. <https://doi.org/10.32890/jps2020.23.4>

## **Pemahaman dan Halangan Pelajar Program Kerja Sosial terhadap Kurikulum Asas Kerja Sosial: Kepelbagaian Klien**

*(Understanding and Barriers among Student of Social Work Programs on the Basic Curriculum of Social Work: Diversity of Clients)*

NURZAIMAH BINTI ASALAL & HARIS ABD WAHAB  
Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial,  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial,  
Universiti Malaya  
*nurzaimahasalal@yahoo.com*

Received: 25/10/2020 Revised: 7/6/2020 Accepted: 23/12/2020 Published: 30/12/2020

### **Abstrak**

Kurikulum asas kerja sosial merupakan garis piawaian dalam pendidikan kerja sosial. Salah satu aspek yang perlu dalam kurikulum asas kerja sosial adalah aspek memahami kepelbagaian klien. Dalam konteks Malaysia, kepelbagaian kaum, etnik, budaya dan agama memerlukan pelajar program kerja sosial memahami dan menerima kepelbagaian tersebut agar mereka kompetensi dalam praktis kerja sosial. Satu kajian telah dilaksanakan untuk mengetahui pemahaman dan halangan pelajar terhadap kepelbagaian klien yang melibatkan seramai 279 pelajar tahun akhir program kerja sosial di enam buah universiti awam, Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan analisis data menggunakan program SPSS versi 23 menerusi ujian Jadual Silang untuk menilai tahap antara pemboleh ubah. Sebanyak sembilan item dikenal pasti dalam pengkajian ini iaitu

memahami kepelbagaian klien berdasarkan etnik, budaya, gender, orientasi seksual, agama, keupayaan fizikal dan mental, umur dan latar belakang. Penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar pelajar program kerja sosial mampu memahami aspek kepelbagaian klien dan tidak mempunyai halangan untuk memahaminya. Pemahaman pelajar program kerja sosial terhadap aspek kepelbagaian klien menunjukkan pelajar program kerja sosial telah memenuhi salah satu aspek kurikulum asas kerja sosial yang ditetapkan selaras dengan Dasar Pendidikan dan Piaawai untuk Pendidikan Kerja Sosial di Malaysia.

**Kata kunci:** Kurikulum asas kerja sosial, memahami kepelbagaian klien, program kerja sosial.

### *Abstract*

*The basic curriculum of social work is a standard line in social work education. One of the necessary aspects of the basic curriculum of social work is the aspect of understanding the diversity of clients. In the Malaysian context, diversity in racial, ethnic, cultural and religious requires students of social work programs to understand and accept such diversity so that they are competent in the practice of social work. A study was conducted to find out the understanding and barriers of students to the diversity of clients involving a total of 279 final year students of social work programs in six public universities, Malaysia. This study uses a quantitative approach and data analysis using the SPSS version 23 program through a Cross Tab to assess the level between variables. A total of nine items were identified in this study to understand diversity of client based on ethnicity, culture, gender, sexual orientation, religion, physical and mental abilities, age and background. The findings of the study show that a large number of students of social work programs are able to understand aspects of client diversity and have no barriers to understanding it. Students' understanding of social work programs on aspects of client diversity shows that students of social work programs have met one of the basic aspects of the social work curriculum set in line with the Education Policy and Standards for Social Work Education in Malaysia.*

**Keywords:** *Basic social work curriculum, understand diversity of clients, social work program.*

## Pengenalan

Bidang kerja sosial mula dikenali di Malaysia setelah Kementerian Kebajikan Masyarakat ditubuhkan pada tahun 1964. Kementerian tersebut kini dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Kementerian ini bertanggungjawab untuk mengekalkan kesejahteraan dan keharmonian keluarga dan masyarakat. Kesedaran pihak kementerian terhadap masalah gejala sosial, tekanan hidup, perubahan sistem sosial dan keruntuhan rumah tangga dalam kalangan masyarakat menyebabkan kementerian mengambil langkah untuk mewujudkan profesion kerja sosial di Malaysia. Penubuhan Persatuan Pekerja Sosial Malaysia (MASW) pada 3 Mac 1973 telah mengukuhkan lagi kedudukan profesion kerja sosial di Malaysia (Teoh & Fuziah, 2017).

Namun begitu, kewujudan profesion kerja sosial selama lebih 70 tahun masih tidak mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat di Malaysia (Khairul Amri, 2017). Perkembangan profesion kerja sosial begitu lambat menyebabkan profesion ini masih kurang diketahui umum. Walau bagaimanapun, dari segi pendidikan bidang kerja sosial ia sudah mulai dikenali (Rusimah et al., 2014). Hal ini berikutan bidang kursus kerja sosial telah ditawarkan di beberapa universiti awam di Malaysia. Antaranya Universiti Sains Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Sultan Zainal Abidin dan Universiti Malaya. Manakala Universiti Putra Malaysia menawarkan kursus kerja sosial sebagai kursus elektif. Universiti awam di Malaysia telah menawarkan bidang kerja sosial secara khusus sejajar dengan keperluan pendidikan kerja sosial seperti ditetapkan oleh *International Association School of Social Work* (IASSW). Kursus yang ditawarkan adalah untuk melatih pelajar agar mahir dalam praktis kerja sosial.

Dalam konteks kajian ini, kurikulum asas kerja sosial dalam aspek memahami kepelbagai klien ini penting untuk mengukur sejauh mana pelajar yang mengikuti program kerja sosial mampu melahirkan pekerja sosial yang cemerlang di Malaysia. Kebolehan pelajar memahami kepelbagaiannya klien semasa pengajian akan melahirkan pekerja sosial yang mampu berkhidmat kepada masyarakat dan meningkatkan profesion kerja sosial di Malaysia.

## **Perkembangan Pendidikan Kerja Sosial di Malaysia**

Ezarina (2006) menyatakan pendidikan kerja sosial secara formal telah dilaksanakan sejak tahun 1975 di Malaysia. Pada awalnya, program kerja sosial disediakan untuk mereka yang mempunyai pengalaman bekerja dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat, Kementerian Kesihatan, Kementerian Luar Bandar, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan. Pendidikan kerja sosial ini mula ditawarkan di Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1975 dan terus berkembang pada tahun 1995. Teoh dan Fuziah (2017) menyatakan UNIMAS menawarkan program kerja sosial bermula tahun 1993. Diikuti UUM (1997), UKM (2003) dan UMS, UM dan UPM pula menawarkan program kerja sosial awal 1980-an. Terkini UNISZA (2014) baru sahaja menawarkan program kerja sosial. Antara program kerja sosial yang ditawarkan di universiti tersebut adalah seperti jadual 1.

Universiti awam yang menawarkan program kerja sosial mempunyai matlamat dan objektif yang tersendiri. Nama kursus yang diberikan biasanya berlainan, namun mencapai objektif yang sama selaras dengan Dasar Pendidikan dan Piawai untuk Pendidikan Kerja Sosial. Kesemua program kerja sosial perlu mencerminkan objektif-objektif seperti yang dinyatakan oleh Jawatankuasa Bersama Kebangsaan Pendidikan Kerja Sosial (JBKPKS, 2006) iaitu:

- i. Tujuan kerja sosial seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen II Dasar Pendidikan dan Piawaian untuk Pendidikan Kerja Sosial.
- ii. Prinsip nilai dan etika kerja sosial.
- iii. Mengambil kira Jawatankuasa Bersama Kebangsaan Pendidikan Kerja Sosial (JBKPKS) sebagai penanda aras dalam pembangunan kandungan kurikulum dan strategi pengajaran serta pembelajaran.

Dasar Pendidikan dan Piawaian untuk Pendidikan Kerja Sosial telah disediakan oleh JBKPKS di Institusi Pengajian Tinggi, Malaysia pada Jun, 2006. Dokumen ini dirangka atas keperluan menggariskan polisi dan piawai kebangsaan bagi pendidikan kerja sosial di Malaysia. Dokumen ini juga mengandungi empat teras piawaian untuk program kerja sosial iaitu objektif dan hasil, kandungan kurikulum, keutuhan program, struktur dan serta pembangunan profesional pelajar.

## Jadual 1

### Program Kerja Sosial di Universiti Awam

<b>Program Kerja Sosial</b>	<b>Jabatan / Pusat / Fakulti</b>
Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial	Posat Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM
Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Sosial	Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UM
Ijazah Sarjana Muda Sains (Pembangunan Manusia)	Fakulti Ekologi Manusia, UPM
Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial Dengan Kepujian	Fakulti Psikologi dan Pendidikan, UMS
Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial	Fakulti Sains Sosial, UNIMAS
Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Kerja Sosial	Posat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Kolej Sastera dan Sains, UUM
Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian (Kerja Sosial)	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM
Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial Dengan Kepujian	Fakulti Sains Sosial Gunaan, UNISZA

### **Kurikulum Asas Kerja Sosial: Aspek Kepelbagaiannya Klien**

Ezarina (2006) menyatakan pendidikan kerja sosial perlu komited untuk membolehkan pelajar memahami dan menghargai kepelbagaiannya manusia. Kurikulum asas pendidikan kerja sosial perlu menjadikan pelajar berpengetahuan tentang peringkat-peringkat intervensi yang berbeza agar pelajar mempunyai pengalaman dan kemahiran yang berbeza mengikut ciri-ciri kepelbagaiannya klien. Antara aspek-aspek yang perlu ditekankan ke atas pelajar adalah persempadanannya antara klien berdasarkan kaum, bangsa, budaya, *gender*, orientasi seksual, agama, keupayaan fizikal dan mental, umur serta latar belakang klien.

Kursus yang ditawarkan perlu menjadikan pelajar memahami aspek kepelbagaiannya dalam berhadapan dengan klien. Antara kursus yang ditawarkan seperti Dinamika Sosial. Kursus ini disediakan untuk pelajar di Universiti Malaya untuk pelajar memahami aspek

kepelbagaian klien (Buku Panduan Ijazah Sarjana Muda Fakulti Sastera dan Sains Sosial; Sesi 2015/2016, Universiti Malaya). Kursus ini memperkenalkan pelajar dengan isu-isu perubahan sosial dan dinamika masyarakat. USM pula menyediakan kursus Kemahiran Asas Kerja Sosial yang melatih pelajar untuk mahir berhadapan dengan kepelbagaian klien. Pelajar melakukan latihan simulasi dalam makmal untuk gambaran sebenar. Walau bagaimanapun, USM telah menawarkan tiga kursus elektif yang boleh dipelajari pelajar tentang kepelbagaian. Antaranya, Hubungan Etnik dan Rasisme, Agama dan Hubungan Sosial dan Seksualiti Manusia dan Intervensi Kerja Sosial. Ketiga-tiga kursus tersebut memperkenalkan kepada pelajar aspek kepelbagaian secara khusus.

Kursus Isu-isu Pelbagai Budaya dalam Kerja Sosial adalah kursus yang ditawarkan di UKM. Manakala UnisZA menawarkan kursus Agama dan Kerja Sosial. Kursus Kepelbagaian Budaya dan Keperluan Manusia serta Agama dan Kebajikan Sosial ditawarkan oleh UUM. Manakala kursus Personaliti dan Perbezaan Individu ditawarkan di UMS. Kursus-kursus tersebut memperkenalkan pelajar dengan aspek kepelbagaian dalam kalangan klien. Kajian ini menilai sama ada pelajar program kerja sosial telah mempelajari dan memahami kurikulum asas kerja sosial dari aspek kepelbagaian. Walau bagaimanapun, penyediaan kursus-kursus tersebut menunjukkan pelajar telah mempelajari dan memahami tentang kepelbagaian klien di universiti awam, Malaysia. Hal ini tidak berbeza dengan penyediaan kursus di barat. Program kerja sosial di Negara barat turut mewajibkan pelajar untuk memahami aspek kepelbagaian agar penerimaan pekerja sosial dapat dipupuk sejak mengikuti pengajian di peringkat sarjana muda.

Kajian Michelle (2013) terhadap pekerja sosial secara temubual menyatakan cabaran paling utama yang dihadapi oleh pelajar adalah berhadapan dengan situasi pertentangan budaya dan norma daripada kepelbagaian klien. Cabaran ini yang menentukan sama ada pelajar mahu memilih kerja sosial sebagai profesion atau sebaliknya. Walau bagaimanapun, kajian Dudley dan Helfgott (1990), Homonoff (2008) dan O'Donoghue (2015) menunjukkan lebih ramai pelajar yang bersetuju bahawa mereka menerima kepelbagaian latar belakang klien dan mampu bekerjasama. Penerimaan ini berikutan kesediaan mereka semasa mengikuti kursus kerja sosial yang menekankan aspek perbezaan agama dan budaya. Hal ini sama dengan kajian Audrey (2014), Berger (2010), Deardorff (2008) dan Gary, Meenaghan, Anastas dan Metrey

(2002) yang menunjukkan pelajar tidak mempunyai masalah untuk berhadapan dengan isu-isu tentang perbezaan kaum, bangsa, budaya, gender, orientasi seksual, agama, keupayaan fizikal dan mental, umur serta asal usul klien. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengetahui sama ada pelajar telah mempelajari dan memahami tentang bentuk kurikulum asas kepelbagaian serta halangan yang dihadapi oleh pelajar program kerja sosial terhadap aspek etnik, budaya, gender, orientasi seksual, agama, keupayaan fizikal dan mental, umur dan latar belakang klien.

Kepelbagaian latar belakang dan masalah yang dihadapi oleh klien memerlukan pekerja sosial mempunyai minat untuk membantu klien tanpa prejudis. Kesediaan ini adalah perlu sejak pelajar program kerja sosial mengikuti pengajian di peringkat sarjana muda, minat terhadap profesion kerja sosial adalah didorong dengan kursus yang diikuti. Minat merupakan faktor utama yang penting perlu ada dalam diri setiap pelajar. Minat pelajar terhadap sesebuah kursus mampu menunjukkan kebolehan mereka sama ada menguasai kursus tersebut atau sebaliknya. Banyak kajian yang telah dijalankan menunjukkan pelajar memilih sesebuah kursus berdasarkan minat mereka terhadap kursus tersebut (Norbaizura et al., 2012; Nurzatil et al., 2015; Mohd Rizal dan Rusli, 2008 dan Maisarah, 2012). Kajian-kajian ini dilaksanakan secara kuantitatif menunjukkan faktor utama pelajar memilih sesuatu bidang yang diikuti adalah disebabkan minat terhadap bidang tersebut. Dalam konteks kajian ini, pelajar yang telah mengikuti pengajian pada peringkat sarjana muda diharapkan dapat memupuk minat mereka untuk memahami aspek kepelbagaian klien. Pemahaman pelajar program kerja sosial terhadap aspek kepelbagaian klien menyebabkan mereka bersedia setelah berada di praktis yang sebenar.

## **Metodologi**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan deskriptif. Kaedah kajian deskriptif berguna bagi menggambarkan atau menyatakan ciri-ciri seperti pendapat, pengetahuan dan sikap populasi yang dikaji terhadap sesuatu perkara (Fraenkel dan Wallen, 1996). Manakala teknik pengumpulan data adalah menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Terdapat dua kaedah pengedaran borang soal selidik iaitu pertama, pengkaji sendiri yang telah mengedarkan borang soal selidik di UKM, USM dan UMS.

Kedua, pengedaran soal selidik secara dalam talian menerusi Google Form di UUM, UM dan UnisZA berikutnya pelajar sedang mengikuti latihan industri ketika pengumpulan data dijalankan.

Populasi kajian ini merupakan pelajar yang mengikuti program kerja sosial di universiti awam iaitu UM, UKM, USM, UUM, UnisZA dan UMS. Pemilihan universiti awam ini adalah berdasarkan ciri-ciri responden iaitu mereka yang berada di tahap akhir pengajian dan telah atau sedang mengikuti latihan industri di lapangan. Pengkajian ini tidak melibatkan pelajar program kerja sosial di UPM dan UNIMAS berikutnya pelajar belum menjalani latihan industri ketika pengumpulan data kajian ini dijalankan. Seramai 1,420 orang pelajar yang mengikuti program kerja sosial di universiti awam bagi sesi 2017/2018. Namun, bagi tujuan kajian ini hanya seramai 279 orang pelajar program kerja sosial yang berjaya dilibatkan dalam kajian ini. Mereka berada di tahun akhir pengajian serta telah atau sedang mengikuti latihan industri. Rasional pemilihan pelajar tersebut sebagai sampel kajian kerana pelajar tahun akhir adalah pelajar yang telah mengikuti sebahagian besar kursus yang ditawarkan dalam program kerja sosial. Mereka juga mempunyai pengalaman praktikum dan memahami kurikulum asas kerja sosial yang telah dipelajari sepanjang pengajian.

Maklumat yang dikumpul melalui borang soal selidik telah dianalisis menggunakan program *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) Versi 23. Sebanyak sembilan item yang dikenal pasti untuk menguji tahap pemahaman dan halangan pelajar terhadap aspek kepelbagaiaan klien. Pengkaji telah melakukan analisis dengan menggunakan Jadual Silang. Pemboleh ubah bersandar kajian adalah tahap pemahaman piawaian kurikulum asas kerja sosial. Manakala pemboleh ubah bebas kajian adalah halangan pelajar untuk memenuhi piawaian tersebut. Penemuan kajian dibentangkan berdasarkan hasil analisis Jadual Silang dalam peratusan. Setiap halangan yang dihadapi oleh pelajar telah dianalisis untuk mendapatkan tahap halangan mengikut piawaian kurikulum asas kerja sosial. Pengkaji telah *compute variable* (halangan pelajar) dan seterusnya *recode into different variable*. Setelah melakukan *record for different variable*, pengkaji mendapatkan nilai skala ‘tinggi’, ‘sederhana’ dan ‘rendah’ untuk mendapatkan maklumat tahap halangan yang dihadapi oleh pelajar untuk memenuhi piawaian kurikulum asas kerja sosial. Nilai purata dan sisihan piawaian yang digunakan untuk menentukan nilai tinggi, sederhana dan rendah.

## **Penemuan Kajian dan Perbincangan**

### *Latar Belakang Responden*

Kajian ini telah melibatkan sebilangan besar (78.5%) pelajar tahun akhir yang mengikuti program kerja sosial di enam buah universiti awam adalah perempuan. Manakala, sebanyak 21.5 peratus merupakan pelajar lelaki. Umur pelajar pada tahun akhir pengajian dianggarkan antara 23 hingga 24 tahun berikutnya pengajian yang diikuti oleh pelajar adalah minimum selama 3 tahun. Sistem Pendidikan Malaysia melayakkan pelajar yang berusia 19 tahun atau 20 tahun untuk memasuki universiti awam. Penemuan kajian menunjukkan lebih separuh (53.0%) pelajar berumur 24 tahun.

Tempoh pengajian yang diikuti oleh pelajar program kerja sosial adalah berbeza mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh universiti masing-masing. Bagi USM, UUM dan UNISZA, program kerja sosial yang ditawarkan memerlukan pelajar mengikuti minimum selama lapan semester. Manakala UKM dan UMS memerlukan pelajar mengikuti minimum enam semester. Hanya UM sahaja memerlukan pelajar mengikuti program minimum selama tujuh semester. Penemuan kajian menunjukkan lebih separuh (55.9%) pelajar telah mengikuti program kerja sosial selama lapan semester. Manakala sebanyak 40.5 peratus mengikuti program kerja sosial selama enam semester. Hanya 3.7 peratus sahaja pelajar mengikuti program kerja sosial selama tujuh semester.

### *Aspek Memahami Kepelbagai Klien*

Ezarina (2006) menyatakan pendidikan kerja sosial perlu komited untuk membolehkan pelajar memahami dan menghargai kepelbagai manusia. Kurikulum asas kerja sosial perlu menjadikan pelajar berpengetahuan tentang peringkat-peringkat intervensi yang berbeza agar pelajar mempunyai pengalaman yang berbeza. Antara aspek-aspek yang perlu ditekankan ke atas pelajar adalah persempadan antara klien berdasarkan kaum, bangsa, budaya, gender, orientasi seksual, agama, keupayaan fizikal dan mental, umur serta latar belakang klien. Pengkajian ini telah mengenal pasti beberapa halangan yang dihadapi oleh pelajar untuk memenuhi kurikulum asas kepelbagai. Kajian Abrams (2009), Beck dan Kosnik (2002), Collins (2004), Gary,

Meenaghan et. al (2002) dan Jessica (2014) yang menunjukkan pelajar perlu memahami kepelbagaian klien setelah mengikuti program kerja sosial agar mampu mengendalikan kes klien semasa dalam praktis sebenar.

*i. Kepelbagaian etnik*

Secara keseluruhannya, penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar pelajar tidak setuju (46.2%) dan sangat tidak setuju (40.9%) dengan pernyataan ‘saya tidak mampu memahami kepelbagaian klien berdasarkan etnik’ (Jadual 2). Terdapat segelintir pelajar yang menyatakan kurang setuju (10.4%), setuju (1.8%) dan sangat setuju (0.7%) terhadap pernyataan tersebut. Analisis mengikut pemahaman kurikulum asas kerja sosial pula mendapati bahawa sebilangan besar pelajar mempunyai tahap pemahaman kurikulum asas kerja sosial rendah (54.8%), sederhana (45.2%) dan tinggi (59.2%) turut sangat tidak setuju dan tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Analisis ujian Khi Kuasa Dua juga mendapati ada perkaitan yang signifikan ( $P \leq 0.01$ ) di antara halangan pelajar untuk memahami kepelbagaian klien berdasarkan etnik dengan tahap pemahaman mereka terhadap kurikulum asas kerja sosial. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa semakin kurang halangan pelajar untuk memahami kepelbagaian etnik, semakin tinggi pemahamannya terhadap kurikulum asas memahami kepelbagaian klien. Dalam kajian ini bermaksud pelajar tidak mempunyai halangan untuk memahami kepelbagaian klien berdasarkan etnik.

Dalam konteks Malaysia, pelajar perlu memahami kepelbagaian etnik kerana negara ini mempunyai etnik yang berbeza. Antaranya Melayu, Cina, India dan bumiputera Sabah dan Sarawak. Kepelbagaian etnik ini memerlukan pekerja sosial menyampaikan perkhidmatan bersesuaian dengan etnik klien tanpa melanggar norma mereka (Abdul Razak dan Ahmad Shukri, 2006; Ezarina, 2006). Manakala dalam konteks negara barat, perbezaan etnik juga begitu ketara. Kajian Michelle (2013) menunjukkan kebanyakan pekerja sosial yang mengikuti kursus kerja sosial memahami bahawa mereka perlu berhadapan dengan klien yang mempunyai pelbagai etnik. Pekerja sosial harus menerima mereka sebagai klien tanpa bersikap prejudis dan bias. Kegagalan pekerja sosial memahami kepelbagaian etnik dalam kalangan klien menyebabkan mereka tidak memilih kerja sosial sebagai profesion (Michelle, 2013; Michelle, 2016).

Jadual 2

Halangan Pelajar Menguasai Kepelbagaiannya dengan Tahap Pemahaman

Halangan pelajar untuk menguasai Kurikulum Asas Kerja Sosial	TAHAP PEMAHAMAN PELAJAR										TINGGI (N=71)	JUMLAH (N=279)	Df	X <sup>2</sup>								
	RENDAH (N=62)					SEDERHANA (N=146)																
STS	TS	KS	S	SS	STS	TS	KS	S	SS	STS	TS	KS	S	SS								
Saya tidak mampu memahami kepelbagaian klien berdasarkan: Etnik	34	25	3	0	0	66	62	16	1	14	42	10	4	1	114	129	29	5	2	8	26,580**	
Saya tidak mampu memahami kepelbagaian klien berdasarkan: Budaya	34	24	4	0	0	65	62	16	3	0	17	42	8	3	1	116	128	28	6	1	18,745**	
Saya tidak mampu memahami kepelbagaian klien berdasarkan: Gender	33	24	4	1	0	65	55	19	6	1	14	42	8	5	2	112	121	31	12	3	17,281*	
Saya tidak mampu memahami kepelbagaian klien berdasarkan: Orientasi seksual	53,2	38,7	6,5	1,6	0,0	44,5	37,7	13,0	4,1	0,7	19,7	59,2	11,3	7,0	2,8	40,1	43,4	11,1	4,3	1,1	8	23,061**

Halangan pelajar untuk mengasai Kurikulum Asas Kerja Sosial	TAHAP PEMAHAMAN PELAJAR						TINGGI (N=71)						JUMLAH (N=279)						Df	X <sup>2</sup>	
	RENDAH (N=62)			SEDERHANA (N=146)			STS TS KS S SS			STS TS KS S SS STS TS KS S SS STS TS KS S SS			STS TS KS S SS STS TS KS S SS			STS TS KS S SS STS TS KS S SS					
	STS	TS	KS	S	SS	STS	TS	KS	S	SS	STS	TS	KS	S	SS	STS	TS	KS	S	SS	
Saya tidak mampu memahami kepelbagaian klien berdasarkan:	34	24	3	1	0	69	58	15	3	1	15	37	12	5	2	118	119	30	9	3	8
Klien berdasarkan:	54.8	38.7	4.8	1.6	0.0	47.3	39.7	10.3	2.1	0.7	21.1	52.1	16.9	7.0	2.8	42.3	42.7	10.8	3.2	1.1	24.436***
Keupayaan fizikal	34	24	3	1	0	68	53	18	5	2	12	37	16	4	2	114	114	37	10	4	8
Klien berdasarkan:	54.8	38.7	4.8	1.6	0.0	46.6	36.3	12.3	3.4	1.4	16.7	52.1	22.5	5.6	2.8	40.9	40.9	13.3	3.6	1.4	28.491***
Keupayaan mental	35	24	3	0	0	72	53	18	1	2	17	41	7	5	1	124	118	28	6	3	8
Klien berdasarkan:	56.5	38.7	4.8	0.0	0.0	49.3	36.3	12.3	0.7	1.4	23.9	57.7	9.9	7.0	1.4	44.4	42.3	10.0	2.2	1.1	28.926***
Keupayaan klien berdasarkan: Latar belakang klien	36	21	5	0	0	68	63	10	3	2	16	39	12	3	1	120	123	27	6	3	8
Umur	58.1	33.9	8.1	0.0	0.0	46.6	43.2	6.8	2.1	1.4	22.5	54.9	16.9	4.2	1.4	43.0	44.1	9.7	2.2	1.1	22.829**

Note: STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, KS = Kurang Setuju, S = Setuju, SS = Sangat Setuju, J = Jumlah, N= Jumlah \*Signifikan pada aras  $P \leq 0.05$  \*\*Signifikan pada aras  $P \leq 0.01$  \*\*\*Signifikan pada aras  $P \leq 0.005$

*ii. Kepelbagaian budaya*

Penyataan kedua adalah ‘saya tidak mampu memahami kepelbagaian klien berdasarkan budaya’. Secara keseluruhannya, penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar pelajar adalah tidak setuju (45.9%) dan sangat tidak setuju (41.6%) dengan penyataan tersebut (Jadual 2). Terdapat segelintir pelajar yang menyatakan kurang setuju (10.0%), setuju (2.2%) dan sangat setuju (0.4%) terhadap penyataan tersebut. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar tidak mempunyai halangan untuk memahami kepelbagaian klien berdasarkan budaya menerusi program kerja sosial yang diikuti. Kajian terdahulu banyak membincangkan isu perbezaan budaya antara pekerja sosial dengan klien (Abrams, 2009; Gary, Meenaghan et al., 2002; Jessica, 2014; Lo, 2004; Michelle, 2013; Yan & Tsang, 2005). Isu perbezaan budaya jelas apabila melibatkan klien dari kawasan pendalaman dan bandar. Kedua-dua kelompok mempunyai budaya yang berlainan yang perlu difahami oleh pekerja sosial (Yip, 2015). Begitu juga dalam konteks Malaysia, kepelbagaian budaya antara masyarakat memerlukan pelajar mengetahuinya sejak mengikuti kursus di universiti. Kefahaman mereka tentang kepelbagaian budaya telah memudahkan mereka menyampaikan perkhidmatan semasa dalam praktis kelak (Ezarina, 2006; Walls, 2007).

Analisis mengikut pemahaman kurikulum asas kerja sosial pula mendapati bahawa sebilangan besar pelajar mempunyai tahap pemahaman kurikulum asas kerja sosial ini rendah (54.8%), sederhana (44.5%) dan tinggi (59.2%) turut sangat tidak setuju dan tidak setuju dengan penyataan tersebut. Analisis ujian Khi Kuasa Dua menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan ( $P \leq 0.05$ ) di antara halangan pelajar untuk memahami kepelbagaian klien berdasarkan budaya dengan tahap pemahaman mereka terhadap kurikulum asas kerja sosial. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa semakin kurang halangan pelajar untuk memahami kepelbagaian budaya, semakin tinggi pemahamannya terhadap kurikulum asas memahami kepelbagaian klien.

*iii. Kepelbagaian gender*

Penyataan ketiga adalah ‘saya tidak mampu memahami kepelbagaian klien berdasarkan gender’. Zastrow (2017) dalam penulisannya menyatakan CSWE adalah diwajibkan menyediakan kursus tentang isu

gender pada peringkat sarjana muda dan sarjana. Pembelajaran tentang isu gender akan membantu pelajar memahami perbezaan keperluan dan isu penindasan terhadap kumpulan gender terutama wanita. Secara keseluruhannya, penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar pelajar adalah sangat tidak setuju (44.4%) dan tidak setuju (42.3%) dengan pernyataan ‘saya tidak mampu memahami kepelbagaiannya klien berdasarkan gender’ (Jadual 2). Terdapat segelintir pelajar yang menyatakan kurang setuju (10.0%), setuju (2.2%) dan sangat setuju (1.1%) terhadap pernyataan tersebut. Penemuan ini menunjukkan pelajar tidak mempunyai halangan untuk memahami kepelbagaiannya gender semasa mengikuti kursus di universiti. Kajian ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Kornblum dan Julian (2004) dan Michelle (2016) bahawa pelajar perlu memahami risiko yang dihadapi oleh wanita dan lelaki.

Analisis mengikut pemahaman kurikulum asas kerja sosial pula mendapati bahawa sebilangan besar pelajar mempunyai tahap pemahaman kurikulum asas kerja sosial ini rendah (54.8%), sederhana (48.6%) dan tinggi (50.7%) turut sangat tidak setuju dan tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Analisis ujian Khi Kuasa Dua juga menyatakan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan ( $P \leq 0.01$ ) di antara halangan pelajar untuk memahami kepelbagaiannya klien berdasarkan gender dengan tahap pemahaman mereka terhadap kurikulum asas kerja sosial. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa semakin kurang halangan pelajar untuk memahami kepelbagaiannya gender, semakin tinggi pemahamannya terhadap kurikulum asas memahami kepelbagaiannya klien. Pelajar yang mengikuti program kerja sosial perlu didekah dengan isu-isu melibatkan gender. Kajian Michelle (2016) dan Zastrow (2017) ada menyatakan bahawa wanita lebih cenderung terdedah dengan keganasan rumah tangga, penindasan dan penipuan. Bagi mengendalikan kes seperti ini, pelajar seharusnya sudah mendapatkan latihan sejak mengikuti pengajian pada peringkat sarjana muda. Begitu juga dengan klien lelaki, masih boleh terlibat dalam isu buli, penindasan, keganasan dan penyakit kronik (Michelle, 2016). Pelajar seharusnya tidak mempunyai halangan untuk memahami dan menguasai intervensi melibatkan dua gender yang berbeza.

#### *iv. Orientasi seksual*

Secara keseluruhannya, penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar pelajar adalah tidak setuju (43.4%) dan sangat tidak setuju (43.4%)

dengan pernyataan ‘saya tidak mampu memahami kepelbagaiannya klien berdasarkan orientasi seksual’ (Jadual 2). Terdapat segelintir pelajar yang menyatakan kurang setuju (11.1%), setuju (4.3%) dan sangat setuju (1.1%) terhadap pernyataan tersebut. Dalam kajian ini menunjukkan pelajar tidak mempunyai halangan untuk memahami kepelbagaiannya klien berdasarkan orientasi seksual. Orientasi seksual terbahagi kepada tiga iaitu heteroseksual yang bermaksud individu yang tertarik dengan lawan sejenis, homoseksual yang bermaksud individu yang tertarik dengan sesama jenis dan biseksual yang bermaksud individu yang tertarik dengan lawan jenis dan sesama jenis (Titi & Yohana, 2017). Golongan ini dikenali sebagai Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender (LGBT). Sheafor dan Horejsi (2012) dan Zastrow (2017) menyatakan pekerja sosial harus menerima klien tanpa memilih orientasi seksual mereka. Pendidikan kerja sosial perlu mendedahkan pelajar dengan golongan tersebut agar mampu menyampaikan perkhidmatan tanpa memilih orientasi seksual klien. Kajian Michelle (2016) menunjukkan pekerja sosial tidak mempunyai halangan untuk menyampaikan perkhidmatan ke atas klien yang berbeza orientasi seksual berikutnya telah mengenali golongan tersebut sejak mengikuti kuliah di universiti. Pemahaman pelajar tentang keperluan golongan ini akan membantu mereka lebih memahami intervensi yang sesuai mengikut orientasi seksual klien.

Analisis mengikut pemahaman kurikulum asas kerja sosial pula mendapati bahawa sebilangan besar pelajar mempunyai tahap pemahaman kurikulum asas kerja sosial rendah (53.2%), sederhana (44.5%) dan tinggi (59.2%) turut sangat tidak setuju dan tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Analisis ujian Khi Kuasa Dua juga menyatakan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan ( $P \leq 0.01$ ) di antara halangan pelajar untuk memahami kepelbagaiannya klien berdasarkan orientasi seksual dengan tahap pemahaman mereka terhadap kurikulum asas kerja sosial. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa semakin kurang halangan pelajar untuk memahami kepelbagaiannya orientasi seksual, semakin tinggi pemahamannya terhadap kurikulum asas memahami kepelbagaiannya klien. Pendedahan pelajar dengan isu-isu LGBT dapat meningkatkan kefahaman mereka tentang keperluan golongan ini serta perkhidmatan yang diperlukan mereka (Martin, Messinger, Kull, Holmes, et al., 2009; Titi dan Yohana, 2017). Penerimaan yang negatif terhadap golongan LGBT menyebabkan golongan ini rasa tertindas dan sukar untuk berkomunikasi dalam komuniti (Sheafor et al., 2000). Dalam bidang kerja sosial, LGBT

adalah individu yang layak mendapat layanan dan komunikasi yang baik dalam komuniti. Bagi seorang pekerja sosial, pandangan negatif ke atas individu ini akan menyukarkan mereka untuk menyampaikan perkhidmatan. Seharusnya, pekerja sosial membantu klien tanpa mengira kepelbagaian orientasi seksual mereka untuk mendapatkan hak dalam komuniti tanpa bersikap bias dan prejudis. Menurut Zastrow (2009) pekerja sosial perlu membantu klien menghadapi konflik dalaman mereka. Walau bagaimanapun, pekerja sosial tidak mempunyai hak untuk mengubah klien. Sebaliknya, pekerja sosial hanya menyampaikan keperluan rawatan dan perkhidmatan ke atas golongan ini. Keperluan rawatan dan perkhidmatan ke atas golongan ini seharusnya difahami oleh pelajar sejak mengikuti pengajian pada peringkat sarjana muda.

v. *Kepelbagaiaan agama*

Penyataan yang kelima adalah ‘saya tidak mampu memahami kepelbagaian klien berdasarkan agama’. Penyataan ini merupakan halangan yang sering dihadapi oleh pelajar untuk memilih klien yang berlainan agama dengan mereka. Kajian Collins (2014) dan Walls (2007) menunjukkan pelajar mempunyai kesedaran pentingnya pemahaman tentang agama lain supaya memudahkan mereka menyampaikan perkhidmatan sebagai pekerja sosial. Secara keseluruhannya, penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar pelajar sangat tidak setuju (44.4%) dan tidak setuju (42.3%) dengan penyataan tersebut (Jadual 2). Terdapat segelintir pelajar yang menyatakan kurang setuju (10.4%), setuju (2.2%) dan sangat setuju (0.7%) dengan penyataan tersebut. Dalam kajian ini menunjukkan pelajar tidak mempunyai halangan untuk menyampaikan perkhidmatan dengan klien yang berbeza agama. Analisis mengikut pemahaman kurikulum asas kerja sosial pula mendapati bahawa sebilangan besar pelajar mempunyai tahap pemahaman kurikulum asas kerja sosial rendah (56.5%), sederhana (50.7%) dan tinggi (54.9%) turut sangat tidak setuju dan tidak setuju dengan penyataan tersebut. Analisis ujian Khi Kuasa Dua juga menyatakan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan ( $P \leq 0.01$ ) di antara halangan pelajar untuk memahami kepelbagaian klien berdasarkan agama dengan tahap pemahaman mereka terhadap kurikulum asas kerja sosial. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa semakin kurang halangan pelajar untuk memahami kepelbagaian agama, semakin tinggi pemahamannya terhadap kurikulum asas memahami kepelbagaian klien.

Dalam konteks Malaysia, pelajar yang mengikuti kursus kerja sosial perlu diberi pengetahuan tentang perbezaan pemahaman dan anutan agama berikutnya masyarakatnya mempunyai perbezaan agama seperti Islam, Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh. Kajian Abd Latiff et al. (2014) menunjukkan pelajar Malaysia agak sukar untuk menerima kepelbagaiannya agama, ini membuatkan mereka lebih cenderung untuk berkawan atau bekerjasama dengan orang yang mempunyai agama yang sama. Berbeza dengan negara barat, mereka telah didedahkan untuk bersikap lebih terbuka dengan individu yang berbeza agama. Kajian Gary et al. (2002) dan Michelle (2016) menunjukkan pekerja sosial tidak memilih klien berdasarkan agama dan menganggap itu sebagai melanggar nilai dan etika kerja sosial. Selalunya mereka lebih bersikap terbuka dan sedia berkhidmat dengan klien yang mempunyai perbezaan agama. Dalam kajian ini menunjukkan pelajar tidak mempunyai halangan untuk memahami kepelbagaiannya agama dalam kalangan klien.

*vi. Kepelbagaiannya keupayaan fizikal dan mental*

Kerja sosial mempunyai perkaitan dengan bidang perubatan dan kesihatan awam. Antara aspek perubatan yang melibatkan bidang kerja sosial seperti kajian diagnosis dan rawatan penyakit pada tahap apabila kuasa sosial, psikologi dan persekitaran meninggalkan kesan terhadap keberkesanan peranan (Rusimah et al., 2014). Dengan keterlibatan kerja sosial dalam bidang perubatan, pemahaman pelajar tentang kesihatan fizikal dan mental adalah perlu. Oleh itu, pelajar harus bersedia untuk menyampaikan perkhidmatan dengan klien yang mempunyai kepelbagaiannya keupayaan fizikal dan mental (Azlinda, 2011). Secara keseluruhannya, penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar pelajar tidak setuju (42.7%) dan sangat tidak setuju (42.3%) dengan pernyataan ‘saya tidak mampu memahami kepelbagaiannya klien berdasarkan keupayaan fizikal’ (Jadual 2). Terdapat segelintir pelajar yang menyatakan kurang setuju (10.8%), setuju (3.2%) dan sangat setuju (1.1%) terhadap pernyataan tersebut. Manakala pernyataan ‘saya tidak mampu memahami kepelbagaiannya klien berdasarkan keupayaan mental’ menunjukkan sebilangan besar pelajar sangat tidak setuju (40.9%) dan tidak setuju (40.9%) dengan pernyataan tersebut. Terdapat segelintir pelajar yang menyatakan kurang setuju (13.3%), setuju (3.6%) dan sangat setuju (1.4%) terhadap pernyataan tersebut. Penemuan ini

menunjukkan pelajar tidak mempunyai halangan untuk memahami kepelbagaian klien berdasarkan keupayaan fizikal dan mental klien.

Pelajar yang mengikuti kursus kerja sosial telah diperkenalkan dengan golongan orang kelainan upaya (OKU) dan pesakit mental (Gary, Meenaghan et al., 2002; Sheafor dan Horejsi, 2012). Moxley (1992) menyatakan antara peranan pekerja sosial adalah memahami polisi hak orang kelainan upaya dan pesakit mental. Klien yang mempunyai kekurangan upaya dan penyakit mental mempunyai hak yang perlu dipatuhi oleh pekerja sosial. Selain itu, pekerja sosial mesti mengetahui sokongan dan perkhidmatan yang bersesuaian mengikuti keupayaan fizikal dan mental klien (Miriam, 2001; Marylyn, 2013). Analisis mengikut pemahaman kurikulum asas kerja sosial pula mendapati bahawa sebilangan besar pelajar mempunyai tahap pemahaman kurikulum asas kerja sosial ini rendah terhadap keupayaan fizikal (54.8%) dan keupayaan mental (54.8%) adalah sangat tidak setuju. Seterusnya tahap pemahaman kurikulum asas kerja sosial yang sederhana terhadap keupayaan fizikal (46.6%) dan keupayaan mental (47.3%) adalah turut sangat tidak setuju. Manakala pemahaman kurikulum asas kerja sosial yang tinggi terhadap keupayaan fizikal (52.1%) dan keupayaan mental (52.1%) turut tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Analisis ujian Khi Kuasa Dua juga menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan ( $P \leq 0.01$ ) di antara halangan pelajar untuk memahami kepelbagaian klien berdasarkan keupayaan fizikal dan mental klien dengan tahap pemahaman mereka terhadap kurikulum asas kerja sosial. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa semakin kurang halangan pelajar untuk memahami kepelbagaian keupayaan fizikal dan mental, semakin tinggi pemahamannya terhadap kurikulum asas memahami kepelbagaian klien.

#### *vii. Kepelbagaian umur dan latar belakang klien*

Halangan seterusnya adalah kemampuan pelajar untuk berhadapan dengan klien yang mempunyai pelbagai umur dan latar belakang. CSWE (2008) telah menggariskan kursus kerja sosial perlu mengandungi pemahaman tentang kepelbagaian umur dan latar belakang klien (Miriam, 2001). Secara keseluruhan, penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar pelajar menyatakan sangat tidak setuju (44.4%) dan tidak setuju (42.3%) dengan pernyataan ‘saya tidak mampu memahami kepelbagaian klien berdasarkan umur’ (Jadual 2).

Terdapat segelintir pelajar yang menyatakan kurang setuju (10.0%), setuju (2.2%) dan sangat setuju (1.1%) dengan pernyataan tersebut. Manakala pernyataan ‘saya tidak mampu memahami kepelbagaiannya klien berdasarkan latar belakang klien’ menunjukkan sebilangan besar pelajar adalah tidak setuju (44.1%) dan sangat tidak setuju (43.0%). Terdapat segelintir pelajar yang menyatakan kurang setuju (9.7%), setuju (2.2%) dan sangat setuju (1.1%) terhadap pernyataan tersebut. Penemuan ini menunjukkan pelajar tidak mempunyai halangan untuk memahami kepelbagaiannya umur dan latar belakang klien. Pelajar yang mengikuti kursus kerja sosial telah diberi pengetahuan tentang intervensi melibatkan kanak-kanak, remaja dan warga emas (Ezarina, 2006).

Kumpulan umur yang berbeza memerlukan intervensi yang berbeza. Kajian Michelle (2016) menunjukkan semua pelajar telah dilatih untuk menyampaikan perkhidmatan kepada kepelbagaiannya umur dan latar belakang. Namun, kajian ini menunjukkan agak kurang pelajar yang memilih golongan warga emas sebagai klien kerana menganggap mereka banyak karenah. Kajian ini sama dengan Sally (1990) yang menunjukkan agak sukar berhadapan dengan klien warga emas berikutan kemampuan mereka adalah terhad untuk berjumpa pekerja sosial. Walaupun begitu, pekerja sosial tidak boleh memilih klien berdasarkan umur dan latar belakang. Latihan yang diberikan semasa mengikuti kursus kerja sosial di universiti membolehkan mereka mampu menyampaikan perkhidmatan ke atas klien yang mempunyai kepelbagaiannya umur dan latar belakang berbeza (Gary et al., 2002; Wang et al., 2015). Analisis mengikut tahap pemahaman kurikulum asas kerja sosial pula mendapati bahawa sebilangan besar pelajar mempunyai tahap pemahaman kurikulum asas kerja sosial ini rendah terhadap kepelbagaiannya umur (56.5%) dan latar belakang berbeza (58.1%) turut sangat tidak setuju. Manakala tahap pemahaman kurikulum asas kerja sosial yang sederhana terhadap kepelbagaiannya umur (49.3%) dan latar belakang berbeza (46.6%) juga adalah sangat tidak setuju. Seterusnya, tahap pemahaman kurikulum asas kerja sosial yang tinggi terhadap kepelbagaiannya umur (57.7%) dan latar belakang berbeza (54.9%) turut tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Analisis ujian Khi Kuasa Dua juga mendapati ada perkaitan yang signifikan ( $P \leq 0.01$ ) di antara halangan pelajar untuk memahami kepelbagaiannya umur dan latar belakang klien dengan tahap pemahaman mereka terhadap kurikulum asas kerja sosial. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa

semakin kurang halangan pelajar untuk memahami kepelbagaian umur dan latar belakang klien, semakin tinggi pemahamannya terhadap kurikulum asas memahami kepelbagaian klien.

### **Tahap Halangan Dalam Memenuhi Kurikulum Asas Kepelbagaian Klien**

Item-item dalam Jadual 2 digunakan untuk menguji tahap halangan pelajar untuk memenuhi kurikulum asas kepelbagaian klien. Penentuan tahap halangan pelajar terhadap kurikulum asas kepelbagaian klien dilakukan dengan menjumlahkan skor bagi sembilan item. Tahap halangan dikategorikan kepada tiga iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Penentuan kategori tahap halangan tinggi dilakukan dengan cara nilai purata ditambah dengan nilai sisihan piawaian. Tahap halangan yang rendah pula ditentukan dengan cara nilai purata ditolak dengan nilai sisihan piawaian. Manakala tahap halangan yang sederhana adalah nilai di antara tahap tinggi dan rendah.

Secara keseluruhannya, tahap halangan pelajar untuk menguasai kepelbagaian klien sederhana (56.6%) (Jadual 3). Sebanyak 29.7 peratus pelajar mempunyai tahap halangan yang rendah dan 13.6 peratus pula berada pada tahap tinggi. Dalam kajian ini menunjukkan pelajar tidak mempunyai halangan untuk menguasai kepelbagaian klien. Ezarina (2006) menyatakan aspek seperti etnik, budaya, gender, orientasi seksual, agama, keupayaan fizikal dan mental, umur dan latar belakang klien adalah perlu pelajar fahami. Kepelbagaian klien memerlukan intervensi, perkhidmatan dan peranan kerja sosial adalah berbeza mengikut aspek-aspek kepelbagaian tersebut. Kajian Audrey (2014) dan Berger (2010) menunjukkan kefahaman dan pengetahuan pelajar yang mengikuti program kerja sosial mengikut kepelbagaian klien. Pelajar perlu memahami isu-isu sensitif dalam sesetengah etnik, gender, orientasi seksual, agama, keupayaan fizikal dan mental, umur dan latar belakang klien. Aspek-aspek kepelbagaian tersebut mempunyai batasan yang perlu pelajar atau pekerja sosial fahami dan menerima keunikan mereka sebelum menyampaikan perkhidmatan. Kebolehan pekerja sosial memahami dan menerima aspek-aspek kepelbagaian tersebut akan menyebabkan proses pertolongan dan perkhidmatan yang disampaikan adalah mengikut keperluan dan mencapai kesejahteraan mereka.

### Jadual 3

Tahap halangan pelajar menguasai kepelbagaian klien

<b>Tahap Halangan pelajar menguasai Kepelbagaian Klien</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Rendah ( <i>Skor 9 ke bawah</i> )	83	29.7
Sederhana ( <i>Skor 10-22</i> )	158	56.6
Tinggi ( <i>Skor 23 ke atas</i> )	38	13.6
<b>Jumlah</b>	<b>279</b>	<b>100</b>

Skor Purata = 15.9; Sisihan Piawai = 6.6; Minimum = 9.00; Maksimum = 45.00

Dari segi perkaitan antara halangan pelajar dengan tahap pemahaman mereka, analisis mengikut Jadual Silang telah dilakukan. Tahap pemahaman kurikulum asas kerja sosial ini rendah (48.4%), sederhana (56.8%) dan tinggi (63.4%) turut mempunyai tahap halangan yang sederhana (Jadual 4). Analisis ujian Khi Kuasa Dua juga menyatakan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan ( $P \leq 0.01$ ) di antara halangan pelajar dalam memenuhi kurikulum asas kepelbagaian klien dengan tahap pemahaman mereka terhadap kurikulum asas kerja sosial. Keseluruhannya, penemuan kajian ini menunjukkan bahawa semakin kurang halangan pelajar untuk memahami kepelbagaian klien, semakin tinggi pemahamannya terhadap kurikulum asas memahami kepelbagaian klien.

### Jadual 4

Analisis Jadual Silang halangan memahami kepelbagaian klien dengan Tahap Pemahaman

Memahami Kepelbagaian Klien	Tahap Pemahaman Pelajar				df	$\chi^2$
	Rendah (N=62)	Sederhana (N=146)	Tinggi (N=71)	Jumlah (N=279)		
Tahap Halangan Pelajar	Rendah	28	45	10	83	4
		45.2	30.8	14.1	29.7	18.841**
	Sederhana	30	83	45	158	
		48.4	56.8	63.4	56.6	
Tinggi		4	18	16	38	
		6.5	12.3	22.5	13.6	

## **Penutup**

Berdasarkan penelitian, universiti awam yang terlibat dalam kajian ini telah menawarkan kursus yang mengandungi semua elemen-elemen memahami kepelbagaian klien selaras dengan keperluan kurikulum asas kerja sosial. Malah, penemuan ini juga menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan di antara tahap halangan yang dihadapi oleh pelajar dengan tahap pemahaman mereka terhadap kurikulum asas kerja sosial memahami kepelbagai klien. Hal ini bermaksud, semakin kurang halangan yang dihadapi oleh pelajar untuk memenuhi kurikulum asas kerja sosial, semakin tinggi pemahaman mereka terhadap kurikulum tersebut. Situasi ini penting agar pelajar program kerja sosial dapat menguasai sepenuhnya aspek memahami kepelbagaian klien. Penguasaan serta pengetahuan pelajar tentang kepelbagaian klien akan menjadikan mereka pekerja sosial yang kompetensi dalam praktis.

Praktis kerja sosial kini berkeperluan dalam pelbagai aspek terutamanya dalam aspek kebajikan, perubatan, sekolah serta aktiviti komuniti untuk memastikan kesejahteraan dan keperluan komuniti dipenuhi. Peranan pekerja sosial kini sudah mulai diambil perhatian tentang peranan dan intervensi yang perlu dilaksanakan di Malaysia. Keadaan ini merupakan satu peluang untuk bidang kerja sosial berkhidmat secara profesional dengan melahirkan graduan kerja sosial yang kompeten dan berpengetahuan. Oleh itu, pemantapan kurikulum kerja sosial di universiti awam adalah perlu agar pelajar program kerja sosial menerima latihan dan pengalaman untuk berhadapan dengan klien sejak mengikuti pengajian di peringkat universiti. Satu badan khas adalah perlu untuk meneliti dan menambah baik kurikulum kerja sosial di universiti awam bagi memastikan kualiti dan kemahiran pekerja sosial dapat diterapkan kepada pelajar program kerja sosial.

## **Penghargaan**

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembentukan di sektor awam atau komersial.

## **Rujukan**

Abd Latiff, Nur Zalila, Ali Saman, Emma Mirza Wati Mohamed & Hasrul Hashim (2014). Isu-isu dan masalah adaptasi antara

- budaya dalam kalangan pelajar Malaysia di United Kingdom dan Australia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(2), 162-171. <http://jurnalarticle.ukm.my>
- Abdul Razak Abd Manaf & Zakiyah Jamaludin. (2002). *Kerja sosial: Artikel-artikel pilihan*. Siri Pengajian dan Pendidikan Utusan. Utusan Publications & Distributors.
- Abrams, L. S., & Moio, J. A. (2009). Critical race theory and the cultural competence dilemma in social work education. *Journal of Social Work Education*, 45(2), 245-261. <https://www.tandfonline.com/>.
- Audrey, W. U. (2014). *Social workers cultural competency with deaf clients: A continuing education module* (Master Thesis). Available from ProQuest Dissertation and Thesis database.
- Azlinda Sulaiman. (2011). Pembelajaran refleksi: Aplikasi dalam praktikum kerja sosial. Dalam Abdul Razak, Noor Azizah dan Ahmad Shukri. *Pengurusan dan Amalan Kerja Sosial*, (pp.291-304). Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Beck, C., & Kosnik, C. (2002). Components of a good practicum placement: Student teacher perception. *Journal of Teacher Education*, 53(1), 6-19. <https://www.jstor.org/stable/23478294>
- Berger, R. (2010). Encounter of a racially mixed group with stressful situations. *Groupwork*, 19(3), 28-41. <https://www.researchgate.net/publication>
- Collins, K. J. (2014). Outcomes-based education and deep learning in first year social work in South Africa: Two case examples. *International Social Work* 0(0), 1-13. <https://www.tandfonline.com>
- Deardorff, D. K. (2008). Intercultural competence: A definition, model and implication for education abroad. In Savicki, V. (Ed.). *Developing Intercultural Competence and Transformation: Theory, Research and Application in International Education* (pp.32-52).<https://sites.duke.edu/darladeardford/publications/>
- Dudley, J. R., & Helfgott, C. (1990). Exploring a Place for Spirituality in the Social Work Curriculum. *Journal of Social Work Education*, 26(3), 287-294. <http://jstor.org/stable/23043073>.
- Ezarina Zakaria. (2006). Konsep konflik sosial: Satu tinjauan untuk kurikulum kerja sosial. Dalam Faizah Yunus. *Khidmat Sosial Malaysia* (pp.137-163). Penerbit Universiti Malaya.
- Fraenkel, J. R., & Wallen, N. E. (1996). *How to design and evaluate research*. Mc. Graw-Hill Inc.

- Gary, H., Meenaghan, T., Anastas, J., & Metrey, G. (2002). Outcomes of social work education: The case for social work self-efficacy. *Journal of Social Work Education*, 38(1), 115-133. <https://www.tandfonline.com/>.
- Homonoff, E. (2008). The heart of social work: Best practitioners rise to challenges in field instruction. *The Clinical Supervisor*, 27(2), 135-169. <https://doi.org/10.1080/07325220802490828>. CrossRefGoogle Scholar
- Jessica, M. R. (2014). *Infusion of gerontological competencies in social work* (Master Thesis). Available from ProQuest Dissertation and Thesis database.
- Khairul Amri Ahmad. (2017). *Memperkasakan perkhidmatan kebajikan melalui piawaian kompetensi kebangsaan praktis kerja sosial*. Prosiding PESAN 2017, (pp.396-403).
- Kornblum, W., & Julian, J. (2004). *Social problems* (11<sup>th</sup> ed.). Pearson.
- Lo, C. E. (2004). Professionalization of social work in China. *Journal of University of Sciences and Technology in Beijing*, 20(9), 2-23. <https://www.tandfonline.com/doi/pdf/10.1080>
- Maisarah Kamro. (2012). Kesediaan menceburi kerjaya kejuruteraan binaan dalam kalangan pelajar jurusan binaan bangunan di Sekolah Menengah Vokasional (Tesis Ijazah Sarjana). <http://eprints.uthm.edu.my/4163/>
- Marilyn, E. D. (2013). *Social work education and disability: A multicase study of approaches to disability in core and specialized curricula at three bachelor of social work programs* (Unpublished doctoral Dissertation). Available from ProQuest Dissertation and Thesis database.
- Martin, J. I., Messinger, L., Kull, R., Holmes, J., Flor, B., & Susan, S. (2009). *Council on social work education- lambda legal study of LGBT issues in social work*. [www.citeseerx.ist.psu.edu](http://www.citeseerx.ist.psu.edu).
- Michelle, G. B. (2013). *Cultural competence in school social work: A personel and profesional learning curve* (Dissertation Master of Social Work). Available from ProQuest Dissertation and Thesis database.
- Michelle, P. M. (2016). *Cultural competence in social work practice: Exploring the experiences of recent msw graduates* (Dissertation Doctor of Education). Available from ProQuest Dissertation and Thesis database.
- Miriam, R. P. (2001). *Social work students perceptions of social work practice with adults with physical disabilities* (Master's thesis). Available from: ProQuest Dissertation and Theses database.

- Mohd Rizal Mohd Said & Rusli Radzi. (2008). *Faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar memilih kursus hospitaliti sebagai pembentukan awal kerjaya di Institusi Kemahiran Belia Negara, Peretak.* <http://eprints.utm.my/id/eprint/11629/1/Faktor.pdf>
- Moxley, D. (1992). Disability policy and social work practice. *Health and Social Work, 17(3)*, 99-103. <https://academic.oup.com/hsw>
- Norbaizura Abu Bakar, Mohd Hafiz Saberi, Nasruddin Faisol, Mohmad Mohd Derus, Suhaila Ali & Farhan Md Dahlan. (2012). *Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kursus profesional di Universiti Awam di Malaysia: Tinjauan awal. 1<sup>st</sup> International Conference on Innovation and Technology for Sustainable Built Environment.*
- Nurzatil Ismail Azizan, Zanariah Dimon, Nazneen Ismail & Sahlawati Abu Bakar. (2015). *Faktor-faktor yang mendorong pemilihan institusi pengajian tinggi di kalangan pelajar.* E-Proceeding of the 2<sup>nd</sup> International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilazation.
- O'Donoghue, K. (2015). Issues and challenges facing social work supervision in the twenty-first century. *China Journal of Social Work, 8(2)*, 136–149. <https://doi.org/10.1080/17525098.2015.1039172>.CrossRefGoogle Scholar
- Rusimah, Ahmad Syukri & Jusmawati. (2014). *Pengantar kerja sosial* (Edisi ke-10). Penerbit UUM Press.
- Sally, A. B. (1990). *Perceptions graduate social work students have about social work practice with the aged* (Master thesis of Social Work). Available from ProQuest Dissertation and Theses database.
- Sheafor, B. W., & Horejsi, C. R. (2012). *Techniques and guidelines for social work practice* (9<sup>th</sup> eds.). Upper Saddle River, NJ: Allyn and Bacon.
- Sheafor, B. W., Horejsi, C. R., & Gloria, A. H. (2000). *Techniques and guidelines for social work practice* (5<sup>th</sup> ed.). Allyn and Bacon.
- Sinnasamy, M. (2006). *Human resource development on social work: A study of Malaysia*. Working paper series, WP-2006-01-E. <https://www.nfukushi.ac.jp/gp/coe/report/pdf/wp-kuno.pdf>
- Teoh, A. H., & Fuziah, S. (2017). *The role of social work education and professionalization of social work in Malaysia: The unfinished mission*. Prosiding PESAN 2017 (pp.368-374)
- Titi Nurhayati & Yohana Wulan Rosaria. (2017). Faktor-faktor yang berhubungan dengan orientasi seksual pada remaja. *Jurnal Ilmiah Bidan, 11(3)* 22-31. <https://www.neliti.com/id/publications>

- Walls, P. G. (2007). Exploring cultural competence practice in undergraduate social work education. *Education*, 127(4) 569-580. [www.http://eds.b.ebscohost.com](http://eds.b.ebscohost.com)
- Wang, Y., Gou, Y., Findley, K., Lu, S., & Huang, C. C. (2015). *Competencies of graduate social work students in China* (Research Report). Huamin Research Center. Rutgers School on Social Work. <https://pdfs.semanticscholar.org/5>
- Yan, M. C., & Tsang, A. K. T. (2005). A snapshot of the development of social work education in China: A delphi study. *Social Work Education*, 24(8), 883-901. <https://www.tandfonline.com>.
- Yip, K. S. (2015). Tensions and dilemmas of social work education in China. *International Social Work*, 50(1), 93-105. <http://tandfonline.com>
- Zastrow, C. (2017). *Introduction to social work and social welfare: Empowering people*. Boston, MA: Cengage Learning